

Headline **Simposium kelip- kelip Ogos ini**
Date **06 Jul 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S9**
Article Size **156 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **624**
PRValue **1,872**



Simposium kelip-kelip Ogos ini

PETALING JAYA- Simposium Kelip-kelip Antarabangsa yang kedua di Petaling Jaya dari 2 hingga 5 Ogos ini akan menghimpun kumpulan pakar, penyelidik dan ahli konservasi bagi tujuan berkongsi pengalaman, maklumat dan penemuan penyelidikan, di samping bertukar-tukar pendapat dalam usaha memulihara habitat serta populasi serangga itu.

Simposium dengan tema "Pemeliharaan Kelip-Kelip: Dari Sains ke Perlaksanaan" itu merupakan anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

FRIM dalam satu kenyataan semalam berkata simposium itu akan memberi peluang kepada peserta untuk mendengar penerangan pakar-pakar, mendapat maklumat mengenai penemuan penyelidikan serta usaha pemuliharaan terkini yang sedang dilaksanakan di negara-negara lain.

Menurutnya ia disertai lebih 100 orang termasuk dari kalangan penyelidik, ahli akade-

mik, pelajar universiti, anggota-anggota MNS dan pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat dalam isu-isu alam sekitar, serta lain-lain pihak yang berkepentingan, termasuk penggemar kelip-kelip.

Profesor Ohba Nobuyoshi, seorang pakar kelip-kelip dari Ohba Firefly Institute di Jepun, akan berkongsi pengalaman beliau melaksanakan kerjasama dengan masyarakat tempatan untuk memulihara habitat asal kelip-kelip yang musnah di sekitar Bandar Yokosuka.

Pada tahun 2007 penyelidik kelip-kelip dari merata dunia berkumpul dan bermesyuarat untuk pertama kalinya di Portugal, dan ia disusuli dengan simposium pertama yang diadakan di Thailand pada tahun 2008.

Untuk maklumat lanjut atau pendaftaran, orang ramai yang berminat boleh menghubungi Nada atau Veronica di talian 03-62797112/ 7111 atau email, ifs2010@frim.gov.my atau layari laman web www.ifs2010.frim.gov.my-Bernama